



Berita Harian - Bajet 2018 Bantu Peminjam, Pendeposit PTPTN

🕒 Isnin, Nov 20 2017



→ PTPTN

Bajet 2018 bantu peminjam, pendeposit PTPTN

Permudahkan pembayaran balik, galak menyimpan

Meh Haryani Ngah
ryani@bh.com.my
Kuala Lumpur

Peranan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk memperkasa pengajian tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia mendapat perhatian kerajaan yang menyediakan pelbagai kemudahan untuk peminjam dan pendeposit PTPTN.

Bagi menggalakkan pembayaran pinjaman, Bajet 2018 memberikan

Ibu bapa yang membuat simpanan ini akan mendapat pelepasan cukai pendapatan individu

Abdul Ghaffar Yusop,
Pengurus Besar
Kanan, Jabatan
Pemasaran dan
Komunikasi Strategik
PTPTN

diskaun 20 peratus atas baki hutang untuk penyelesaian penuh pinjaman bermula 27 Oktober lalu sehingga 31 Disember 2018.

Pelbagai keistimewaan

Pengurus Besar Kanan, Jabatan Pemasaran dan Komunikasi Strategik PTPTN, Abdul Ghaffar Yusop, berkata Bajet 2018 memberi kebaikan kepada peminjam PTPTN dengan menyediakan pelbagai keistimewaan.

"Pada Bajet 2017, peminjam hanya diberikan diskaun 15 peratus bagi bayaran penuh, namun bermula 27 Oktober lalu hingga 31 Disember 2018, semua peminjam PTPTN termasuk yang dikenakan tindakan penagih hutang yang membuat penyelesaian semua baki hutang pinjaman layak mendapat kemudahan ini.

"Bagi peminjam yang mendapat pengesahan baki tetapi belum mem-

buat bayaran penyelesaian penuh, mereka perlu mendapatkan baki baharu untuk penyelesaian penuh.

"Peminjam yang membuat penyelesaian penuh pada 27 Oktober hingga 31 Oktober lalu dan mengguna pakai jumlah pengesahan baki dengan diskaun 15 peratus, bayaran balik akan dipulangkan kepada mereka," katanya ketika ditemui BH di ibu pejabat PTPTN, di sini.

Katanya, peminjam yang membuat pembayaran 50 peratus daripada baki hutang secara sekali bayaran, diberi diskaun 10 peratus.

Bellau berkata, peminjam membuat bayaran balik melalui potongan gaji atau direct debit mengikut jadual juga diberikan diskaun 10 peratus.

Lanjut tempoh bayaran balik

"Untuk graduan baru tamat pengajian, kerajaan menerusi Bajet 2018

melanjutkan tempoh bayaran daripada enam bulan kepada 12 bulan bermula 1 November lalu.

"Peminjam yang menyambung pelajaran boleh menggabungkan pinjaman dan membuat bayaran balik selepas tamat pengajian," katanya.

Abdul Ghaffar berkata, kerajaan juga turut menumpu kepada usaha membudayakan simpanan.

"Pada Bajet 2017, kerajaan memberi geran sepadan hanya untuk murid Tahun Satu di sekolah penuh yang membuka akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) sama ada dalam SSPN-i atau SSPN-i Plus.

"Pada Bajet 2018, tambahan RM250 juta disediakan untuk 500,000 pen-caram berusia tujuh hingga 12 tahun dalam Skim Simpanan Pendidikan 1Malaysia (SSPN1M) dan boleh dikeluarkan pada usia 18 tahun," katanya.

[FOTO SALHANI IBRAHIM/BH]

Abdul Ghaffar bersama kakitangannya melayan pelanggan di Menara PTPTN, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Pekeliling
Perbendaharaan

BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian <

Aplikasi Mudah Alih <

Laman Mikro <

e-Penyertaan & Maklumbalas <

Statistik & Prestasi <

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami



Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) |
[Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

